



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

## **KENYATAAN MEDIA**

**Bil. 53 /2019**

### **PROSES PENAMAAN CALON PILIHAN RAYA KECIL (PRK) PARLIMEN P.186 SANDAKAN, SABAH**

1. Hari ini proses Penamaan Calon bagi Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen P.186 Sandakan telah dijalankan.
2. Selepas tempoh penamaan calon ditutup pada jam **10.00 pagi**, SPR telah menerima sebanyak **5 kertas pencalonan** bagi PRK ini.

#### **SENARAI PENCALONAN YANG DITERIMA:**

- |  |  |               |
|--|--|---------------|
| i. SULAIMAN BIN ABDUL SAMAT            | ( BEBAS )                                    | ( 9.05 PAGI ) |
| ii. TSEN THAU LIN                      | (PARTI BERSATU<br>SABAH – PBS)               | ( 9.06 PAGI ) |
| iii. HAMZA BIN A. ABDULLAH @<br>HAMZAH | ( BEBAS )                                    | ( 9.08 PAGI ) |
| iv. CHIA SIEW YUNG                     | ( BEBAS )                                    | ( 9.09 PAGI ) |
| v. VIVIAN WONG SHIR YEE                | ( PARTI<br>TINDAKAN<br>DEMOKRATIK -<br>DAP ) | ( 9.14 PAGI ) |

3. Dengan selesai proses penamaan calon tersebut, maka bermulalah tempoh rasmi berkempen sehingga jam **11.59 malam, 10 Mei 2019.**

## PEMANTAUAN KEMPEN OLEH PP-KPR

4. Bagi tujuan memantau aktiviti berkempen sepanjang tempoh rasmi berkempen, SPR telah menubuhkan **EMPAT (4)** Pasukan Penguat Kuasa Kempen Pilihan Raya (PP-KPR) selaras dengan **Seksyen 27B Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954**.
5. SPR telah menyediakan **SURAT AKU JANJI** untuk ditandatangani oleh calon yang mengandungi **10 JANJI** mematuhi segala peraturan yang ditetapkan di bawah Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 dan mana-mana undang-undang serta peraturan yang berkaitan sepanjang tempoh 14 hari berkempen bermula selepas pengisytiharan nama calon-calon pada 27 April 2019 sehingga 11.59 malam pada 10 Mei 2019.
6. Untuk makluman, pihak **SPRM juga telah membuka bilik gerakannya** di Pejabat SPRM Cawangan Sandakan, Tingkat 7 Bangunan Persekutuan Sandakan dan akan beroperasi selama 24 jam. Pegawai-pegawai SPRM juga akan membuat pemantauan di lapangan.

## PEMASANGAN BAHAN KEMPEN

7. Calon **DIBENARKAN** untuk mempamer dan mengedarkan bahan kempen pilihan raya yang mengandungi gambar calon, lambang/symbol parti dan gambar pemimpin parti yang diwakilinya termasuklah lambang/symbol parti dan gambar pemimpin parti komponen yang berdaftar secara rasmi.
8. Apa-apa bahan kempen yang boleh digunakan seperti iklan, surat sebaran, pekat dan poster hendaklah mengandungi nama dan alamat pencetak dan penerbitnya **KEQUALI** bendera, poster symbol parti dan gambar pemimpin parti atau calon yang bertanding.
9. Bahan kempen yang mengandungi perkataan-perkataan yang boleh **mengembangkan perasaan jahat, berunsur perkauman dan menyentuh sensitiviti keagamaan atau yang boleh mendatangkan permusuhan** adalah **TIDAK DIBENARKAN**.

10. PP-KPR boleh menurunkan bahan kempen yang berunsur negatif atau melanggar peruntukan undang-undang pilihan raya.

### **CERAMAH PERLU MENDAPATKAN PERMIT POLIS**

11. Setiap ceramah perlu mendapatkan permit daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan PDRM berkuasa untuk mengambil tindakan bagi aktiviti ceramah yang dijalankan tanpa permit.

### **PENGUMUMAN KEPUTUSAN PILIHAN RAYA**

12. Dijangkakan Keputusan PRK akan diumumkan **SEBELUM jam 10.00 malam.**

### **PEMERHATI PILIHAN RAYA**

13. Bagi PRK ini, SPR telah melantik **57 orang pemerhati pilihan raya** daripada **10 buah organisasi** (agensi kerajaan, Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan organisasi) dan 2 orang individu yang berkelayakan untuk memantau perjalanan proses pilihan raya ini.

### **JANGKAAN PERATUSAN KELUAR MENGUNDI:**

14. SPR menjangkakan peratusan keluar mengundi untuk PRK ini adalah lebih kurang **70 peratus.**
15. SPR berharap para pengundi dapat keluar mengundi untuk menunaikan hak dan tanggungjawab mereka.
16. SPR juga memohon semua pihak khususnya pihak media agar turut memainkan peranan untuk menggalakkan pengundi agar keluar mengundi pada 11 Mei 2019 nanti.

## **ASPEK PENAMBAHBAIKAN**

17. Pada PRK ini penambahbaikan-penambahbaikan yang dilaksanakan di beberapa PRK sebelum ini akan diteruskan antaranya;

- i) Bagi pengundi yang berumur **60 tahun** dan ke atas akan diwujudkan dua saluran.
- ii) Waktu mengundi diawalkan dari jam **7.30 pagi** hingga jam **5.00 petang** (sebelumnya **8.00 pagi - 5.00 petang** sahaja).  
SPR mengambil kira dan menyesuaikan waktu berbuka puasa bagi para petugas, ejen calon dan pemerhati bagi melancarkan proses pengiraan undi.
- iii) Menambah **17 saluran baharu** di Pusat Mengundi yang ramai pengundi. (**75 Saluran kepada 92 saluran**)
- iv) **Pengundi OKU** mengundi di saluran 1. Seramai **349 orang** pengundi OKU telah dikenal pasti dan berdaftar dengan JKM.
- v) SPR akan menyiarkan proses pengiraan undi **live streaming** melalui **Facebook** dengan mengambil kira kesesuaiannya di satu saluran di Pusat Mengundi yang terpilih. Usaha ini adalah sebagai satu pendedahan dan kesedaran kepada masyarakat mengenai proses pengiraan undi semasa pilihan raya.
- vi) Penghantaran Kad Pengundi (**Voter's Card**) yang mengandungi maklumat daftar pemilih seperti Pusat Mengundi, Saluran, Bilangan dan Masa Mengundi kepada **39,349 orang** pengundi untuk kemudahan dan kelancaran proses mengundi. **Walau bagaimanapun pengundi masih perlu membawa kad pengenalan sebagai pengesahan identiti untuk mengundi.**

## **SEMAKAN DAFTAR PEMILIH**

18. Bagi pengundi yang tidak menerima *Voter's Card* mereka disaran membuat semakan Daftar Pemilih lebih awal untuk mengetahui **maklumat pusat mengundi, saluran mengundi dan nombor bilangan** mereka melalui **portal SPR** ([www.spr.gov.my](http://www.spr.gov.my)) atau menelefon ke talian **03-88927018** atau melalui **SMS 15888** atau menyemaknya melalui **aplikasi MySPR Semak**.
19. Bagi pengundi yang telah mengetahui maklumat **Pusat Mengundi, Saluran Mengundi dan juga nombor bilangan**, mereka boleh **mencatat maklumat berkenaan dan membawa catatan itu** ke tempat mengundi tanpa perlu menyemaknya lagi di barung SPR.

## **EKSPEKTASI SPR**

20. SPR berharap semua pengundi di Parlimen P.186 Sandakan ini agar dapat menjalankan tanggungjawab mereka sebagai pengundi dan tidak mensia-siakan HAK serta UNDI mereka.
21. SPR juga berharap agar aktiviti berkempen akan berjalan dengan penuh harmoni serta tidak melanggar undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.

## **PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH**

22. SPR merakamkan ucapan TAHNIAH dan SYABAS kepada Tuan Haji Mohamad Hamsan Bin Awang Supain, Pegawai Pengurus Pilihan Raya dan pasukannya kerana telah menjalankan tanggungjawab dengan lancar pada hari ini.
23. Penghargaan dan terima kasih juga diucapkan kepada Yang Dihormati CP Datuk Omar bin Mammah, Pesuruhjaya Polis Sabah, Yang Dihormati Dato' Hazani bin Ghazali, Komander Eastern Command Esscom, Yang Dihormati ACP Mohd Azhar bin Hamin, Ketua Polis Daerah Sandakan dan anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang telah berjaya memastikan aspek keselamatan terkawal dan suasana tenang.

24. Terima kasih kepada Jabatan Insolvency dan anggota mereka.
25. Terima kasih kepada Encik Rohiman Bin Rahia, Pengarah SPR Sabah dan anggota Pejabat SPR Negeri Sabah.
26. Terima kasih kepada pihak media dan semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung.

Sekian, terima kasih.

**DR. AZMI SHAROM**

Timbalan Pengerusi SPR

Tarikh: 27 April 2019 / 21 Sya'aban 1440H